

16 NOV 2000

Lunas-Calon (Fokus Berita)

CALON BEBAS MENCUBA NASIB DI LUNAS

Oleh: Jamaluddin Muhamad

KULIM, 16 Nov (Bernama) -- Ketika Barisan Nasional (BN) dan baruisan pembangkang membuat persiapan bagi memilih calon mereka, seorang calon bebas tiba-tiba muncul untuk mencuba nasib pada pilihan raya kecil Dewan Undangan negeri Lunas.

Anggota cawangan MIC Lunas E.R Kumarasamy, 46, mengumumkan bahawa beliau akan bertanding atas tiket bebas kerana tidak berpuas hati dengan keputusan kepimpinan MIC meletakkan calon dari Sungai Petani.

Kumarasamy mendakwa beliau boleh memperoleh 4,000 undi pada pilihan raya pada 29 Nov tetapi kebanyakan pemerhati politik meragukannya.

"Beliau bertanding kerana kecewa dan calon seperti ini biasanya tidak dapat bertahan lama," menurut seorang pemerhati politik dari MIC Padang Serai.

Calon Barisan Nasional tidak menghadapi masalah untuk berdepan dengan calon bebas, menurut seorang lagi pemerhati.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur malam ini sebelum mengumumkan nama calon BN di Lunas esok.

Menurut sumber-sumber, seorang peguam S. Anthonysamy, ialah nama yang disebut-sebut akan diumumkan oleh Syed Razak esok.

Anthonysamy, 59, memenuhi cir-ciri yang diberikan oleh Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu apabila beliau membayangkan minggu lalu bahawa calon itu adalah seorang darimkalangan profesional berumur dalam lingkungan 50-an dari Sungai Petani.

Jika tiada perubahan pada saat terakhir, Anthonysamy, bekas penolong setiausaha MIC Kedah kemungkinan akan memikul tanggungjawab untuk mengekalkan majoriti dua pertiga BN dalam Dewan Undangan Negeri.

Pada masa ini, BN menguasai 24 kerusi sementara PAS mempunyai 12 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri.

BN hampir pasti mengenai pemilihan calonnya sementara Barisan Alternatif masih mencari-cari calon yang sesuai.

"Mereka menghadapi masalah untuk menentukan siapakah yang harus mewakili barisan pembangkang kerana PAS, DAP dan Keadilan masing-masing mendakwa mereka mempunyai alasan kukuh untuk meletakkan calon dari parti masing-masing," menurut seorang pemerhati politik.

Sumber-sumber menyebut DAP mungkin diberikan peluang untuk bertanding di kerusi itu kerana kawasan itu ialah kawasan tradisionalnya.

"Jika DAP bertanding, maka lalkuan BN lebih mudah berbanding jika PAS meletakkan calon," menurut satu sumber.

Pada pilihan raya umum 1999, Dr Joe Fernandez (BN) mengekalkan kerusi itu dengan majoriti 4,700 undi.

Beliau memperoleh 9,760 undi menewaskan calon DAP M. Kathiravelo yang mendapat 5,060 undi. Calon bebas, Ibrahim Mohamed Rashidi dan N. Letchumanan, masing-masing memperoleh 2,158 undi dan 87 undi.

Dr Fernandez ditembak mati di Bukit Mertajam pada 4 Nov lalu.

-- BERNAMA

JM FAZ